



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/85 Jld.2 (03)  
Tarikh : 28 Ogos 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN SETIAUSAHA PEJABAT  
GRED N36 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI MAHKAMAH  
PERSEKUTUAN SELURUH MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, JPA sedang dalam proses persediaan pengisian kekosongan jawatan Setiausaha Pejabat Gred N36 di Mahkamah Persekutuan seluruh Malaysia dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat Setiausaha Pejabat Gred N32 yang layak dipertimbangkan pemangkuan ke Gred N36 berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- 2.1 Telah dinaikkan pangkat ke Setiausaha Pejabat Gred N32;
- 2.2 Markah wajaran LNPT bagi 3 tahun terkini (2014, 2015 dan 2016) tidak kurang 80%;
- 2.3 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan disertakan);
- 2.4 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.5 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.6 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.7 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

...2/

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan.
4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 22 September 2017** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p. : **Encik Mohd Zulkefley Bin Mohd Sabri**)

5. Dimaklumkan juga bahawa, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja** dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini** (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima** **tidak akan diproses.**

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:


- i. Puan Nor Haslina Binti Ibrahim - 03-8885 4311  
([haslina.ibrahim@jpa.gov.my](mailto:haslina.ibrahim@jpa.gov.my))
- ii. Puan Salina Binti Ibrahim - 03-8885 4939  
([salina.ibrahim@jpa.gov.my](mailto:salina.ibrahim@jpa.gov.my))

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)**

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110

☐ : [zulkefley.sabri@jpa.gov.my](mailto:zulkefley.sabri@jpa.gov.my)